

Peguam Negara beri amaran kakitangan rasuah

BH - 13/1/2017 - (M/S 14)

Melaka: Peguam Negara, Tan Sri Mohamed Apandi Ali mengingatkan pegawainya supaya tidak terabit dalam gejala rasuah atau bersedia berdepan tindakan tegas jika ingkar.

Beliau menegaskan, penyalahgunaan kuasa dan pelanggaran undang-undang hanya akan mencemarkan imej Jabatan Peguam Negara serta integriti institusi berkenaan.

“Saya ingin tegaskan tidak teragak-agak mengambil tindakan ke atas mana-mana pegawai yang didapati bersalah dalam isu integriti dalam apa bentuk sekali pun,” katanya.

Mohamed Apandi berkata demikian ketika berucap merasmikan Persidangan Pegawai Undang-Undang Jabatan Peguam Negara 2017, di sini, semalam.

Yang turut hadir, Peguam Cara Negara, Datuk Engku Nor Faizah

Engku Atek; Peguam Cara Negara II, Datin Paduka Zauyah Be T Loth Khan dan Ketua Bahagian Penasihat jabatan itu merangkap pengerusi persidangan, Datuk Siti Zainab Omar.

Rasuah lebih dahsyat daripada wabak

Mohamed Apandi berkata, gejala rasuah umpama anai-anai yang tidak disedari kehadirannya sebelum merebak sehingga akhirnya menjadi wabak jika tiada langkah untuk membendungnya.

“Mulanya hanya berkawan, pergi ke hotel, bermain golf dan melancong bersama dengan semua perbelanjaan ditanggung. Akhirnya merebak menjadi permintaan dan pemberian wang ringgit secara terbuka tanpa rasa segan silu.

“Rasuah lebih dahsyat kesannya daripada mana-mana wabak di dunia ini,” katanya.

(FOTO MUHAMMAD HATIM AB MANAN/BH)



Mohamed Apandi menerima cenderahati daripada Engku Nor Faizah (tengah) dan Siti Zainab selepas merasmikan Persidangan Pegawai Undang-Undang Jabatan Peguam Negara 2017 di Melaka, semalam.

Fakta
nombor

631 PEGAWAI

Undang-Undang Jabatan Peguam Negara disertai persidangan tiga hari di Melaka